



● Nik Mustapa (empat dari kanan) membuat jawatan kerja ke Kota Marudu.

UPM buat kajian

SERDANG - Sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan kajian biodiversiti dan sosioekonomi masyarakat pantai luar bandar di Kota Marudu, Sabah untuk meningkat taraf hidup mereka.

Ketua program penyelidikan, Profesor Dr Fatimah Md Yusoff berkata, matlamat utama projek tersebut ialah untuk membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Kota Marudu menerusi pengurusan sumber bakau, persisiran dan perikanan secara mampan.

"Kajian ini membuka peluang dan aktiviti ekonomi yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan atau agensi berkaitan seperti aktiviti pelancongan berasaskan sumber bakau dan alam semula jadi," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Institut Biosains UPM berkata, projek yang bermula dari 20 Mei hingga 31 Mei lalu itu turut disertai oleh Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah dan dibiayai National Oceanography Division (NOD) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah dana Science Fund NOD.

Dr Fatimah berkata, kajian UPM selama setahun itu terbahagi kepada tiga projek dengan projek pertamanya iaitu 'peningkatan ekosistem dan sosioekonomi

bagi komuniti setempat melalui pengurusan sumber bakau' yang diketuai oleh Dekan Fakulti Perhutanan, Profesor Madya Dr Awang Abd. Ghani.

"Aktiviti projek itu ialah tinjauan flora dan fauna, analisis stakeholder, tinjauan komuniti setempat, pemodelan nilai karbon, pengelasan hutan paya laut, analisis pelancongan eko dan kajian penilaian ekonomi untuk menghasilkan status kepelbagaian hayat (flora dan fauna) dan potensi untuk pelancongan eko, pelan pemuliharaan dan pelancongan eko; serta nilai ekonomi hutan paya laut Kota Marudu," katanya.

Beliau berkata, projek kedua ialah pengurusan bersepadu ekosistem lembangan sungai dan persisiran pantai yang diketuai Ketua Jabatan Pengajian Alam Sekitar, Profesor Madya Dr Mohd Kamil Yusoff.

Katanya, aktiviti projek tersebut ialah tinjauan air, hidrologi, ikan, hidupan laut invertebrata, pemetaan guna tanah menggunakan GIS dan semakan di lapangan, pembangunan Sistem Keputusan Sokongan (DSS) dan pemodelan sumber air.

"Tujuan utama projek ini ialah untuk membangunkan pelan pencegahan akibat aktiviti manusia secara tidak lestari untuk menghasilkan status kesihatan ekosistem dan kualiti air dan pengurusan hutan ba-

kau secara bersepadu," katanya.

Dr Fatimah berkata, projek ketiga pula ialah urusan pengurusan bersama untuk Kota Marudu yang diketuai oleh Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Profesor Dr Fatimah Mohamed Arshad.

"Aktiviti projek itu ialah pengumpulan data sekunder mengenai taraf sosioekonomi penduduk, tinjauan nelayan dan pemberi maklumat utama (key informant survey), memulakan jawatankuasa pengurusan bersama, melantik agen pengembangan, membuat profil nelayan, mengadakan bengkel dengan stakeholder dan nelayan, membangun bahan kursus untuk pengurusan bersama serta mengadakan program kesedaran.

"Projek itu bertujuan untuk menggubal pengurusan sumber perikanan secara bersama antara penduduk setempat dan agensi berkaitan. Hasil utama projek ialah pelan pengurusan perikanan secara bersama, data asas sosioekonomi penduduk persisiran pantai dan pembangunan kapasiti dalam aspek pengurusan bersama," katanya.

Menurutnya, ketiga-tiga projek itu akan menghasilkan satu model pelan pengurusan hutan paya bakau lestari yang boleh digunakan sebagai panduan untuk meningkatkan penggunaan sumber bakau, persisiran dan perikanan secara optimum serta seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk setempat.

kajian tinjauan